

## **Naik taraf lapan empangan seluruh negara**

Kerajaan membina dan menaik taraf lapan empangan bagi menampung keperluan bekalan air negara di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK10) dan RMK11.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Abu Bakar Mohd Diah berkata, daripada jumlah itu, empat empangan akan dibina di bawah RMK11, dua lagi sedang dalam pembinaan dan dua lagi sudah siap dibina.

Empangan yang akan dibina ialah Projek Menaik Taraf Empangan Congok di Mersing, Johor, Skim Bekalan Air Tawau Fasa II - Reka Bentuk dan pembinaan Empangan Air, Empangan Jernih di Alor Gajah, Melaka dan Sumber Bekalan Air Mentah Wilayah Betong - Empangan Batang Layar di Sarawak.

“Empangan yang sedang dalam pembinaan ialah Empangan Kahang di Kluang, Johor dan Projek

Pembesaran Empangan Mengkuang di Pulau Pinang.

“Empangan yang siap dibina ialah Empangan Bengoh di Kuching dan Skim Bekalan Air Teriang Fasa 1 Bagi Daerah Seremban (Pakej 5) - Pembinaan Empangan Sungai Teriang,” katanya ketika menggulung usul menjunjung kasih titah ucapan Yang di-Pertuan Agong di Dewan Negara di sini, semalam.